



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

4 Jun 2021
23 Syawal 1442H

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	
Berita Harian	
Harian Metro	
Kosmo !	
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">• Jual ikan tampung kos operasi
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Malaysia Dateline	
Bernamea	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN :		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		



Jual ikan tampung kos operasi

Pusat Jagaan Anak Yatim Walidaina kreatif cari dana untuk teruskan operasi

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI

SEREMBAN

Bagi menampung kos operasi, Pusat Jagaan Anak Yatim Walidaina di Taman Satria di sini mengambil inisiatif menjual ikan segar pada Khamis.

Meskipun beroperasi jam 9 pagi, namun orang ramai sudah mula menunggu sejam awal di hadapan pusat jagaan terbabit.

Pengasasnya, Mohd Zatulah Kamarudin berkata, beliau perlu kreatif mencari dana lebih-lebih lagi dalam keadaan ramai yang terjejas sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini.



Seorang penduduk membeli ikan secara pandu lalu.

“Saya tak boleh hanya bergantung pada bantuan semamamata. Buat aktiviti jualan sebegini dapatlah sedikit duit untuk pusat jagaan.

“Dengan cara ini juga orang ramai akan kenal dengan pusat jagaan saya dengan harapan selepas ini mereka terbuka hati untuk membantu,” katanya

kepada *Sinar Harian* di sini pada Khamis.

Menurutnya, usaha itu juga antara lain bagi memudahkan penduduk di kawasan sekitar membeli ikan tanpa perlu beratur panjang di pasar atau pasar raya.

“Sekarang ini nak beratur masuk ke pasar saja perlu tung-

gu lebih 15 minit. Jadi dengan inisiatif ini setidaknya orang ramai tak perlu bersesak ke pasar sekali gus mengelakkan penularan Covid-19.

“Kami juga buat konsep pandu lalu. Ada yang buat tempahan awal dan mereka hanya perlu datang ambil ikan dan buat bayaran,” katanya.

Selain itu katanya, beliau juga menawarkan ikan secara percuma semasa PKP ini.

Ujarnya, tujuan penjualan ikan segar itu lebih kepada untuk beramal selain berharap ia juga dapat membuka hati orang ramai untuk sama-sama membantu pusat jagaan kendaliannya.

“Kalau nak ikutkan kami tidaklah untung mana, tapi bolehlah sikit tambah duit tabung pusat jagaan ini. Paling penting kami dapat memudahkan penduduk setempat.

“Saya percaya jika kita mudahkan orang lain, ALLAH akan mudahkan urusan kita. Pada hari ini (Khamis) sebanyak 100 kilogram ikan pelaling dan ikan cencaru serta 30 kilogram ikan tongkol yang terjual,” katanya.

Kata Mohd Zatulah, melihat sambutan yang menggalakkan itu, beliau merancang untuk meneruskan penjualan ikan pada hari lain.